

SSM: 1029068-P | KPL: 7168



KembaraSufi
Travel & Tours Sdn Bhd

11 HARI 8 MALAM

MESIR

JEJAK RASUL

KEMBARA SUFI TRAVEL & TOURS SDN BHD

CAIRO | SINAI | DAHAB | GIZA | ALEXANDRIA | ELFAYYOUN

PAKEJ MESIR JEJAK RASUL 11 HARI 8 MALAM

CAIRO | SINAI | DAHAB | GIZA | ALEXANDRIA | ELFAYYOUM

HARI 1 : MALAYSIA – CAIRO

Berkumpul di Lapangan Terbang KLIA 1 untuk taklimat dan berlepas ke Lapangan Terbang Cairo, Mesir.

HARI 2 : CAIRO

Awal pagi, peserta sampai di bumi Mesir dan disambut oleh wakil Kembara Sufi di Airport Cairo Mesir. Lawatan bermula di Cairo, aktiviti lawatan termasuk melawat Makam Imam Syafii, pengasas Mazhab As-Syafie. Selain itu, peserta juga berpeluang untuk melawat Masjid Madrasah Sultan Hassan & Imam Rifa'e, yang juga dikenali sebagai Masjid Madrasah 4 Mazhab kerana terdapat empat buah kelas bagi setiap mazhab muktabar di dalamnya. Tidak ketinggalan, lawatan ke Makam Sayyeda Nafeesa, yang merupakan guru kepada Imam Syafii, juga menjadi salah satu destinasi yang menarik. Setelah itu, peserta akan melakukan check-in di hotel untuk penginapan.

HARI 3 : CAIRO – FAYOUM

Peserta akan melawat Piramid dan Sphinx, yang merupakan antara tujuh keajaiban dunia. Di sana, peserta dapat menikmati panorama Piramid dengan pemandangan yang indah dari atas bukit, di mana anda dapat melihat tiga piramid utama. Selain itu, anda berpeluang menaiki unta atau kereta kuda untuk menuju ke panorama sembilan buah piramid (aktiviti ini adalah pilihan). Lawatan diteruskan ke Sphinx yang terkenal, sebelum mengunjungi Masjid Al-Azhar, universiti kedua tertua di dunia. Anda juga berpeluang menziarahi Maqam Cucu kesayangan baginda nabi iaitu Saidina Hussain r.a., yang mana di masjid ini disemadikan Ra'su Syareef (Kepala Suci) Saidina Hussain r.a. didalam masjid tersebut. Akhir sekali, anda berpeluang membeli-belah di Bazar Khan Khalili, pasar tertua di Mesir, yang menawarkan pelbagai barangan tradisional dan cenderamata.

HARI 4 : CAIRO – FAYOUM

Peserta akan melawat Tasik Qarun, yang terkenal dengan cerita yang mengaitkan penenggelaman Qarun bersama harta-hartanya serta pengikut-pengikutnya. Di samping itu, peserta akan menjelajah Istana Qarun, yang juga dikenali sebagai Kuil Qarun, menyaksikan peninggalan sejarah yang menakjubkan. Seterusnya, peserta akan terpesona dengan keindahan Wadi Rayyan, sebuah lembah yang unik dengan air terjun yang mengalir di tengah-tengah padang pasir, satu pemandangan yang jarang ditemui di dunia. Tidak ketinggalan, peserta akan melawat Kincir Air Nabi Yusuf AS, di mana replika kincir air ini dibina di tapak yang dipercayai sebagai tempat asalnya.



HARI 5 : CAIRO – SINAI/ST.CATHERINE

Perjalanan menuju ke Sinai bermula dengan melalui Terowong Ahmad Hamdi yang terletak di Terusan Suez, sebuah terusan buatan manusia yang menjadi pemisah antara benua Afrika dan Asia. Dalam perjalanan ini, para penumpang akan berhenti di kawasan rehat dan rawat (RnR) di Terusan Suez untuk menunaikan solat Subuh dan menikmati sarapan pagi.

Seterusnya, perjalanan diteruskan dengan melawat Kubu Perang Arab-Israel di Uyun Musa. Kubu ini pernah digelar sebagai kubu yang tidak terkalahkan, namun akhirnya jatuh ke tangan tentera Mesir hanya dalam tempoh enam jam. Lawatan diteruskan ke Mata Air Nabi Musa, kawasan yang dikatakan sebagai tempat di mana Allah SWT memerintahkan Nabi Musa a.s. mengetuk tongkatnya di atas batu, sehingga terhasil 12 mata air

Perjalanan ini juga akan diselangi dengan berhenti seketika di kawasan R&R Abu Zenima untuk berehat. Selepas itu, rombongan akan tiba di St. Catherine, Sinai, di mana beberapa lokasi bersejarah akan dikunjungi. Antara tempat menarik termasuk Makam Nabi Soleh a.s., nabi yang diutuskan kepada kaum Thamud, dan Makam Nabi Harun a.s., saudara kepada Nabi Musa a.s.

Selain itu, rombongan juga akan melawat kesan Lembu Samiri, yang terletak di lereng sebuah bukit. Lawatan ini memberikan peluang untuk menyaksikan tapak-tapak bersejarah yang signifikan dari sudut agama dan sejarah Islam. Bagi yang berminat, aktiviti mendaki Gunung Tursina akan bermula pada jam 12:30 pagi sebagai pilihan tambahan.



HARI 6 : CAIRO – ST. CATHERINE

Selepas aktiviti mendaki Gunung Tursina (pilihan), peserta akan turun dari gunung sekitar jam 6:00 pagi. Seterusnya, mereka akan menikmati sarapan pagi sebelum melawat kawasan sekitar kaki Gunung Tursina. Lawatan ini termasuk ke Gereja St. Catherine, sebuah gereja berusia ribuan tahun yang terletak di lembah suci. Kawasan ini juga dikenali sebagai tempat di mana Nabi Musa a.s. dan Nabi Harun a.s. dilantik sebagai Nabi dan Rasul. Setelah selesai lawatan, rombongan akan mendaftar keluar dari hotel dan bertolak menuju ke Dahab. Di Dahab, peserta akan berpeluang untuk membeli-belah di Old Bazaar dalam suasana yang bebas dan santai. Pada waktu malam, makan malam akan disajikan di Restoran Aladdin. Akhirnya, rombongan akan mendaftar masuk ke hotel di Dahab untuk bermalam dan berehat.



HARI 7 : DAHAB – CAIRO

Pada hari berikutnya di Dahab, peserta boleh memilih untuk menikmati aktiviti pantai seperti menunggang ATV. Selepas itu, sarapan pagi akan disediakan di resort. Selepas bersarapan, rombongan akan mendaftar keluar dari hotel Dahab dan meneruskan aktiviti seterusnya iaitu menaiki bot kaca atau kapal selam (pilihan), yang menawarkan pemandangan indah batu karang dan ikan-ikan yang memukau di Laut Merah. Kemudian, peserta akan menikmati makan tengahari dan menunaikan solat Jamak Qasr sebelum bertolak kembali ke Cairo. Setibanya di Cairo, rombongan akan mendaftar masuk ke hotel untuk berehat.



HARI 8 : CAIRO – ALEXENDRIA

Perjalanan seterusnya melibatkan lawatan ke beberapa lokasi bersejarah dan berharga di Mesir. Pertama, peserta akan melawat Montazah, iaitu istana Raja terakhir Mesir yang menawarkan pemandangan yang indah dan sejarah yang menarik. Kemudian, rombongan akan melawat Kubu Qaitbey, sebuah benteng pertahanan yang terletak di pinggir Laut Mediterranean. Benteng ini dibina oleh Sultan Ashraf Qaitbey untuk melindungi Mesir daripada serangan musuh.

Selepas itu, peserta akan menunaikan solat Jamak Qasr dan menziarahi Maqam Imam Busiri, pengarang Qasidah Burdah yang terkenal. Lawatan diteruskan ke Masjid Abu Abbas Mursi, penerus kedua Tariqat As-Syazuli dan anak murid kepada pengasas tariqat tersebut, Abu Hassan As-Syazili. Selain itu, peserta juga akan menziarahi Maqam Nabi Daniel a.s., nabi yang hidup pada zaman Babylon, dan Maqam Sayyidina Luqmanul Hakim, yang kisahnya disebut dalam Al-Quran al-Karim, Surah Luqman. Setiap lokasi ini menyimpan nilai sejarah dan spiritual yang tinggi, menjadikannya pengajaran dan tauladan untuk umat Islam.

HARI 9 : CAIRO

Lawatan diteruskan dengan mengunjungi Kubu Salahuddin Al-Ayyubi, sebuah kubu bersejarah yang terletak di atas Bukit Muqattam. Kubu ini bukan sahaja menawarkan pemandangan kota Cairo yang memukau tetapi juga menyimpan sejarah penting dari era Salahuddin Al-Ayyubi.

Seterusnya, peserta akan melawat Masjid Ali Pasha, sebuah masjid dengan seni bina yang menyerupai Masjid Biru di Turki. Masjid ini merupakan salah satu mercu tanda bersejarah yang menarik perhatian ramai. Selepas itu, rombongan akan menunaikan solat Jamak Qasr di Masjid 'Amru Bin 'Ash, masjid pertama yang dibina di Mesir dan benua Afrika, yang juga menjadi simbol penting dalam sejarah penyebaran Islam di wilayah ini.

Pada waktu malam, peserta akan menikmati makan malam yang istimewa. Bagi yang berminat, terdapat pilihan untuk menaiki cruise di Sungai Nile, menawarkan pemandangan malam yang menakjubkan dan pengalaman yang santai di sepanjang sungai ikonik ini.

HARI 10 : CAIRO

Pada hari terakhir di Mesir, rombongan akan memulakan perjalanan dengan daftar keluar dari Hotel Jewel Green Mountain sebelum meneruskan lawatan ke beberapa lokasi bersejarah dan ikonik. Destinasi pertama adalah Maqam Anwar Sadat, tempat bersemadinya bekas Presiden Mesir yang ditembak mati.

Seterusnya, rombongan akan menziarahi Masjid Al-Azhar (Cawangan Banin), sebuah institusi Islam yang terkenal. Bagi yang berminat, mereka boleh memilih untuk melawat Museum Civilization yang menampilkan sejarah ketamadunan Mesir.

Perjalanan diteruskan ke Masjid Ibn Tulun, masjid kedua tertua di Mesir selepas Masjid 'Amru Bin Ash, sebelum menutup hari dengan membeli-belah buah-buahan dan kacang sebagai buah tangan. Akhirnya, rombongan akan bertolak ke lapangan terbang untuk perjalanan pulang.

HARI 10 : MALAYSIA

Tiba di Lapangan Terbang Antarabangsa KLIA 1, Malaysia.

NOTED: Transit bergantung kepada jenis penerbangan.



Makluman:

1. Itinerary boleh berubah bergantung pada keadaan seperti cuaca dan traffic congestion.

2. Harga pakej, jadual lawatan yang dinyatakan adalah mengikut perubahan semasa seperti jadual Penerbangan (In/Out), Masa Penerbangan, Harga Penerbangan, Pertukaran matawang, keselamatan negara dilawati dan perubahan Cuaca

PAKEJ TERMASUK



- Penerbangan pergi & balik (Transit bergantung kepada jenis penerbangan)
- Bagasi 23kg-30kg (bergantung pada jenis penerbangan)
- Tiket tempat lawatan (Seperti dalam jadual perjalanan)
- Makanan di dalam pesawat
- Makanan seperti di dalam jadual perjalanan
- Pengangkutan (sepanjang trip).
- Penginapan (Bertaraf 3 Bintang)
- Dibimbing oleh pemandu pelancong

PAKEJ TIDAK TERMASUK



- Tipping: RM250/pax
- Tambah extra charge cuti sekolah RM250 seorang
- Caj Fees Visa on Arrival: USD 25 (pemegang passport Brunei & Singapura)
- Segala yang tidak dinyatakan

MAKLUMAT HARGA TIPPING | SURCHARGE


TIPPING	Surcharge (harga berubah mengikut Situasi/Musim)
RM250	RM250

AKTIVITI TAMBAHAN (HARGA BERUBAH MENGIKUT KEADAAN SEMASA)



CRUISE NILE DINNER

RM80/PAX



SUBMARINE

RM100/PAX



MUSEUM FIRAUN

RM55PAX

**BERGANTUNG KEPADA HARGA SEMASA YANG DITETAPKAN
OLEH KERAJAAN MESIR**

Sekiranya anda menyertai 'optional tour' ini, anda berpeluang untuk melihat dan bergambar di kawasan sekitar.

INFO PENTING

1. Pasport yang sah dan tidak kurang dari enam (6) bulan dari tarikh penerbangan.
2. Para peserta hendaklah membuat semakan terlebih dahulu jika ada berkaitan dengan senarai hitam ke luar negara.
3. Pihak KSTTSB tidak akan bertanggungjawab di atas urusan senarai hitam para peserta. Pembayaran pakej yang dibuat tidak akan dikembalikan sekiranya ia berlaku.
4. Perubahan masa penerbangan, jenis penerbangan tertakluk kepada perubahan semasa.
5. Harga pakej juga tertakluk kepada perubahan kadar matawang semasa dan caj tambahan ketika musim puncak (Peak Season). Pihak KSTTSB akan membuat makluman awal nanti sekiranya berlaku perubahan harga pakej.
6. Resit pembayaran hendaklah disertakan sebagai bukti pembayaran deposit/penuh trip.
7. Bayaran deposit/penuh pakej hanya boleh dibuat melalui akaun Maybank rasmi syarikat atas nama KEMBARA SUFI TRAVEL & TOURS SDN BHD sahaja. Tiada orang tengah yang diwakilkan untuk mengutip sebarang bayaran pakej.

Slip pembayaran perlu dihantar ke email / whatsapp selepas selesai bayaran dibuat.

KEMBARA SUFI TRAVEL & TOURS SDN BHD



PERHATIAN :

Sekiranya membuat pembayaran secara online, anda wajib menyerahkan resit bukti pembayaran kepada pihak kami melalui email atau wasap dan resit tersebut harus di tulis di atasnya dengan nama, tarikh trip dan no ic anda.



KembaraSufi
Travel & Tours Sdn Bhd
SSM: 1029068-P | KPL: 7168

***"Peneraju Pakej Muslim Termurah
Pilihan Pertama di Malaysia"***